

NOTA (NISBAH DAN KADARAN)

1. Ali ada 7 buah buku. Siva ada 9 buah buku. Apakah nisbah bilangan buku Siva kepada Ali?

Ali = 7 buku

Siva = 9 buku

NISBAH = 9 : 7

2. Nisbah **limau kepada tembikai** ialah **4:5**. Jika limau 8 biji, berapakah bilangan tembikai?

Limau : Tembikai 4 :
5



8 : ?

Limau = $4 \times 2 = 8$

Tembikai = $5 \times 2 = \underline{10}$

3. Nisbah kambing kepada lembu ialah 2:3.

Jika lembu **15 ekor**, berapakah bilangan kambing?

Kambing : Lembu
2 : 3



? : 15

Lembu = $3 \times \underline{5} = 15$

Kambing = $2 \times \underline{5} = \underline{10}$

Latihan 1 (Isikan jawapan akhir di ruangan jawapan)


Tidak perlu dicetak.

1. Jadual 1 menunjukkan bilangan donat yang disediakan oleh Puan Hana.

Jenis donat	Bilangan
Coklat	8
Strawberi	5
Vanilla	11

- i) Nyatakan nisbah bilangan donat coklat kepada bilangan donat strawberi
- ii) Nyatakan nisbah bilangan donat strawberi kepada bilangan donat vanilla.
- iii) Nyatakan nisbah bilangan donat coklat kepada jumlah donat.

2. Rajah 1 menunjukkan beberapa buah segi tiga



- i) Tulis nisbah bahagian berlorek kepada bahagian tidak berlorek.
- ii) Nyatakan nisbah jumlah bahagian kepada bahagian berlorek.
- iii) Berapa peratuskah bahagian yan berlorek daripada jumlah semua bahagian?

3. Nisbah bilangan murid lelaki kepada murid perempuan Tahun 6 ialah 3:4.
Bilangan murid lelaki ialah 12 orang.
Berapakah bilangan murid perempuan?

4. Nisbah bilangan telefon NOKIA kepada telefon OPPO ialah 2:7.
Bilangan telefon OPPO ialah 14 buah.
Berapakah bilangan telefon NOKIA?

5. Nisbah bilangan buku kepada pensel ialah 5:2. Bilangan buku ialah 20 buah.
Berapakah bilangan pensel?

6. Nisbah bilangan guli biru kepada guli merah ialah 3:2. Bilangan guli merah ialah 12 buah.
Berapakah bilangan guli biru?

7. Nisbah bilangan baju kurung kepada baju melayu ialah 2:5.
Bilangan baju melayu ialah 15.
Berapakah bilangan baju kurung?

PESANAN : setelah selesai mengisi jawapan akhir.

klik FINISH

klik CHECK ANSWER

SCREEN SHOT MARKAH hantar pada guru subjek sbg bukti.
tamat